

Kenyataan Sebutharga Bil. 19/2024

Tarikh Iklan : 23 Julai 2024 (Selasa)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Bumiputera**, dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang **yang beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya** yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2024/B168	Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Di Kompleks Sukan Desa Tasik, Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 23 Julai 2024 (Selasa) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 31 Julai 2024 (Rabu)
2024/B169	Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Di Dewan Serbaguna Air Panas, Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 23 Julai 2024 (Selasa) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 31 Julai 2024 (Rabu)
2024/B170	Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Di Kompleks Sukan Bangsar, Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 23 Julai 2024 (Selasa) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 31 Julai 2024 (Rabu)
2024/B171	Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Dewan Serbaguna Pejabat Cawangan Setiawangsa Seksyen 10 Wangsa Maju Dan Dewan Serbaguna D'Tasik, Jalan Rejang 1, Setapak Jaya Dan Kawasan Sekitarnya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 23 Julai 2024 (Selasa) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 9 Ogos 2024 (Jumaat)

2024/B172	Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Baikpulih 'Fire Alarm And Fire Fighting System' Di Bangunan Kuala Lumpur Command And Control Centre (KLCCC), Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 Kategori ME Pengkhususan M02 Dan M20 Dan E02 Dan E11 (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja)	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 23 Julai 2024 (Selasa) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 9 Ogos 2024 (Jumaat)
2024/B173	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Peralatan Elektronik Voltan Rendah, Voltan Tinggi Dan Perkakasan Berkaitan Di Premis-Premis Serta Harta Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G2 Atau G3 Atau G4 Atau G5 Atau G6 Atau G7 Kategori ME Pengkhususan E04 Dan E05 Dan E11 (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja)	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 30 Julai 2024 (Selasa) <u>9.30 Pagi – 10.30 Pagi</u> Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 16 Ogos 2024 (Jumaat)

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my**. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi **eperolehan.dbkl.gov.my**
3. Dokumen Sebutharga **2024/B173** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.
4. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2024/B173** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat** dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
 - i. **Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB**
 - ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB**
 - iii. **Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi**
 - iv. **Cop Syarikat (Rubber Stamp)**
 - v. **Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil**
5. Petender yang **GAGAL mengemukakan perkara-perkara di atas** tidak dibenarkan untuk mengikuti sesi taklimat. Sesi pendaftaran petender akan diadakan **selama (1) satu jam**.
6. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.

7. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
9. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 23 Julai 2024 (Selasa)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my